



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

16 JANUARI 2026 (JUMAAT)

Pengeluaran Hasil Ternakan Ruminan Hanya Capai 20 Peratus

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Lokal	16	16 Jan

Oleh Poliana
Ronnie Sidom
am@hmetro.com.my

Kinabatangan

Pengeluaran hasil ternakan ruminan negara seperti lembu, kerbau dan kambing masih kurang iaitu hanya mencapai tahap 20 peratus ketika ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kementerian menyasarkan pengeluaran ruminan tempatan dapat ditingkatkan kepada 50 peratus dalam tempoh empat tahun akan datang.

Walaupun ia adalah angka yang besar, beliau yakin sasaran itu dapat dicapai menerusi program yang sudah dirancang di bawah agenda keterjaminan makanan dengan antara strategi difokuskan adalah menerusi program pengukuhan industri ruminan negara dan pengukuhan infrastruktur.

Beliau menjelaskan, usaha itu diterjemahkan dalam Belanjawan 2026 dengan peruntukan RM2.04 billion untuk perbelanjaan pembangunan dan RM2.79 bilion khusus untuk subsidi dan insentif bagi pesawah serta nelayan.

"Ini memang satu angan-angan besar. Capai atau tidak, kita bergantung kepada usaha kita. Kita sekarang di sekitar 20 peratus, jauh lagi untuk capai, tapi kita yakin ada program yang akan dibentangkan," katanya selepas melancarkan Program Sentuhan Agro Madani di Dataran Terbuka Pekan Kota Kinabatangan, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Mahfuz Omar; Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Sabah, Fitrisubroto Yahmin



PENDUDUK setempat membeli pelbagai barangan kering dan basah segar ketika Program Sentuhan Agro Madani di Dataran Terbuka Pekan Kota Kinabatangan, semalam.

PENGELUARAN HASIL TERNAKAN RUMINAN

Hanya capai 20 peratus



Capai atau tidak, kita bergantung kepada usaha kita. Kita sekarang di sekitar 20 peratus, jauh lagi untuk capai"

Mohamad Sabu



dan Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan Kinabatangan, Ardin Suradi.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohamad mahu Projek Ternakan Ayam Peladaging Sistem Tertutup yang akan dibangunkan di sini dijadikan contoh kepada pertubuhan peladang

di kawasan lain sekiranya ia menunjukkan kejayaan.

Mohamad berkata, projek bernilai RM2.4 juta itu yang diluluskan pada awal tahun ini bukan saja menyumbang kepada sasaran kadar sara diri lebih tinggi, malah menjana pendapatan lumayan ke-

pada ahli pertubuhan.

Projek ternakan itu yang akan dimulakan dalam masa terdekat di atas tanah seluas dua hektar dengan kapasiti 30,000 ekor ayam pada setiap pusingan dijangka bakal memberi manfaat kepada kira-kira 3,000 ahli pertubuhan.

"Projek ini diluluskan selepas mengambil kira kedudukan Kinabatangan yang terletak di kawasan pedalaman, sekali gus memerlukan bekalan makanan yang mencukupi dan mampan.

"Paling penting ialah projek berjalan berterusan. Kita tidak mahu apabila datang semula setahun dua kemudian, reban ayam sudah tidak beroperasi," katanya.

Gagal Seludup Karkas Babi Bernilai RM66,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Lokal	12	16 Jan

Bukit Kayu Hitam: Cuba seludup karkas babi bernilai RM66,000 ke negara ini melalui pintu sempadan negara.

Tindakan itu bagaimanapun digagalkan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) di Laluan Kenderaan Kargo Berat, Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (ICQS), di sini, semalam.

Komander AKPS Bukit Kayu Hitam, Senior Asisten Komisioner Mohd Nasaruddin M Nasir berkata, hasil pemeriksaan mendapati, daging babi jenis karkas itu dibawa masuk tanpa dokumen import yang sah dalam

Beliau berkata, operasi yang dilaksanakan jam 6.30 pagi itu membabitkan pemeriksaan ke atas sebuah kenderaan kargo.

"Hasil pemeriksaan awal mendapati kenderaan itu diarahkan ke kaunter timbang dan berat kasar direkodkan seberat 4.2 tan.

"Kenderaan itu kemudiannya diarahkan ke Blok E1, Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam untuk tujuan pemunggaan dan pemeriksaan penuh (100 peratus).

"Selepas pemeriksaan menyeluruh dijalankan,

Gagal seludup karkas babi bernilai RM66,000



KARKAS babi bernilai RM66,000 yang cuba dibawa masuk ke negara ini melalui pintu masuk Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam, digagalkan oleh AKPS.

berat bersih kenderaan direkodkan hanya 2,200kg dan perbezaan berat itu menimbulkan syak. Pemeriksaan lanjut menemui

muatan tidak sah iaitu daging babi jenis karkas," katanya, semalam.

Beliau berkata, rampa-

san ini dilakukan berikutan pengimportan daging babi dari Thailand adalah dilarang sepenuhnya susulan ancaman penyakit African Swine Fever (ASF).

"Kes ini disiasat di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728 - MAQIS).

"Semua barangan rampasan ditahan untuk tindakan lanjut mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa," katanya.

Menurutnya lagi, setakat ini, kes sudah direkodkan dan siasatan lanjut sedang dijalankan oleh pihak berkuasa berkaitan.


"Semua barangan rampasan ditahan untuk tindakan lanjut"
Mohd Nasaruddin

Sehubungan itu katanya, AKPS akan terus komited dalam memperketatkan kawalan di pintu masuk negara

bagi memastikan keselamatan, kesihatan awam serta kepentingan negara sentiasa terpelihara.

Pengeluaran Ternakan Ruminan Negara Kurang

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	15 Jan



Mohamad (dua dari kanan) menyerahkan replika cek kepada Ardin pada Program Sentuhan Agro Madani, di Kinabatangan. FOTO POLIANA RONNIE SIDOM

Kinabatangan : Pengeluaran hasil ternakan ruminan negara seperti lembu, kerbau dan kambing masih kurang iaitu hanya mencapai tahap 20 peratus ketika ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kementerian mensasarkan pengeluaran ruminan tempatan dapat ditingkatkan kepada 50 peratus dalam tempoh empat tahun akan datang.

Walaupun ia adalah angka

yang besar, beliau yakin sasaran itu dapat dicapai menerusi program yang sudah dirancang di bawah agenda keterjaminan makanan dengan antara strategi difokuskan adalah menerusi program pengukuhan industri ruminan negara dan pengukuhan infrastruktur.

Beliau menjelaskan, usaha itu diterjemahkan dalam Belanjawan 2026 dengan peruntukan sebanyak RM2.04 billion untuk perbelanjaan pembangunan dan RM2.79

bilion khusus untuk subsidi dan insentif bagi pesawah serta nelayan.

"Ini memang satu angan-angan besar. Capai atau tidak, kita bergantung kepada usaha kita. Kita sekarang di sekitar 20 peratus, jauh lagi untuk capai, tapi kita yakin ada program yang akan dibentangkan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Sentuhan Agro Madani di Dataran Terbuka Pekan Kota Kinabatangan, di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Mahfuz Omar; Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Sabah, Fitrisubroto Yahmin dan Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan Kinabatangan, Ardin Suradi.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohamad mahu Projek Ternakan Ayam Pedaging Sistem Tertutup yang akan dibangunkan di sini dijadikan contoh kepada pertubuhan peladang di kawasan lain sekiranya ia menunjukkan kejayaan.

Mohamad berkata, projek bernilai RM2.4 juta itu yang diluluskan pada awal tahun ini bukan saja menyumbang kepada sasaran kadar sara diri lebih tinggi, malah menjana pendapatan

lumayan kepada ahli pertubuhan.

Projek ternakan itu yang akan dimulakan dalam masa terdekat di atas tanah seluas dua hektar dengan kapasiti 30,000 ekor ayam pada setiap pusingan dijangka bakal memberi manfaat kepada kira-kira 3,000 ahli pertubuhan.

"Projek ini diluluskan selepas mengambil kira kedudukan Kinabatangan yang terletak di kawasan pedalaman, sekali gus memerlukan bekalan makanan yang mencukupi dan mampan.

"Paling penting ialah projek berjalan berterusan. Kita tidak mahu apabila datang semula setahun dua kemudian, reban ayam sudah tidak beroperasi," katanya.-

[MYMETRO](#)

Wabak ASF Masih Aktif, Selangor Perketat Kawalan Ladang Babi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Media Selangor	BM	Dalam Talian	15 Jan



SHAH ALAM, 15 JAN: Wabak demam babi Afrika (ASF) di Selangor masih aktif dan berada di bawah pemantauan rapi pihak berkuasa veterinar dengan kawalan ketat penternakan terus dilaksanakan bagi mengekang penularan penyakit berkenaan.

EXCO Pertanian, Dato' Ir Izham Hashim berkata setakat ini terdapat 37 ladang ternakan babi di Selangor, berbanding 41 ladang pada awal tahun lalu susulan jangkitan ASF yang dikesan pada Februari 2025.

“ASF merupakan penyakit berisiko tinggi dan sehingga kini masih aktif sebab itu kawalan ketat terus dilaksanakan bagi mengelakkan penularan ke ladang lain.

Kita tidak membenarkan ladang beroperasi semula secara tergesa-gesa. Semua prosedur pembersihan, kuarantin dan pemantauan perlu dipatuhi sebelum kelulusan diberikan,” katanya ketika ditemui di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini semalam.

Izham menambah, kawalan penternakan hanya akan dibenarkan selepas sesebuah ladang disahkan bebas daripada ASF dan pengeluaran akan dihadkan mengikut jumlah yang diluluskan dalam lesen penternak bagi memenuhi keperluan negeri.

terdapat 37 ladang ternakan babi dengan jumlah populasi 18,010 ekor, menunjukkan penurunan ketara berbanding 41 penternak dan 114,820 ekor babi yang direkodkan pada Jun 2025.

Untuk rekod, Selangor mencatatkan anggaran



EXCO Infrastruktur dan Pertanian, Dato' Ir Izham Hashim. Foto HANISAH OTHMAN/MEDIA SELANGOR

Beliau turut menegaskan Kerajaan Negeri tidak akan berkompromi terhadap sebarang pelanggaran garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan khususnya melibatkan aspek kawalan penyakit serta kelestarian dan kebajikan industri penternakan.

Berdasarkan rekod Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Negeri Selangor, sehingga Disember lalu

ternakan 254,425 ekor babi pada 2025, menempatkan negeri itu di kedudukan kedua selepas Perak yang merekodkan 425,391 ekor sementara negeri lain termasuk Pulau Pinang (164,526 ekor), Sarawak (138,603 ekor) dan Johor (111,830 ekor).

Dalam pada itu, tiga ladang ternakan babi di daerah Sepang dan Kuala Langat, masing-masing di Sungai Blakan, Sepang serta

sebuah ladang di Kampung
Tumbuk, Tanjong Sepat
antara premis yang dikesan
berlaku jangkitan demam
babi Afrika (ASF) pada 22
Januari tahun lalu.-

[MEDIASELANGOR](#)

Kerajaan Selangor Proaktif Selesaikan Isu Ladang Babi Berlarutan Lebih 30 Tahun

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Media Selangor	BM	Dalam Talian	15 Jan



SHAH ALAM, 14 JAN: Selepas isu ladang babi berlarutan lebih 30 tahun, Kerajaan Negeri kini mengambil langkah pantas dengan mempercepat proses pemindahan ladang babi ke Bukit Tagar bagi menyelesaikan masalah yang telah lama diabaikan.

EXCO Pertanian, Dato' Ir Izham Hashim berkata perbincangan lanjut dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) turut dijalankan bagi mendapatkan pengesahan rasmi berhubung jadual

pemindahan lokasi baharu.

“Perbincangan bersama MMKN petang Rabu penting bagi memastikan pemindahan ladang babi ke Bukit Tagar dapat dilaksanakan secara teratur dengan penglibatan semua pihak termasuk penternak dan pematuhan prosedur yang ditetapkan.

Isu ini telah berlarutan lebih 30 tahun dan pelbagai kerajaan sebelum ini gagal menyelesaikannya. Kerajaan Negeri sekarang mengambil tindakan tegas untuk

menyelesaikan masalah ini dengan cepat dan berkesan,” katanya ketika ditemui di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini, semalam.

Menurut Izham, pembangunan ladang ternakan di Bukit Tagar akan dijalankan secara moden dan terancang, mematuhi semua syarat ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bagi memastikan operasi harian berjalan lancar.

Beliau menambah, Kerajaan Negeri juga mengambil kira aspek penampungan antara ladang bagi memastikan penularan penyakit dapat dielakkan serta untuk menyelesaikan masalah gangguan atau aduan daripada masyarakat.

Izham berkata langkah ini merupakan usaha bersepadu Kerajaan Negeri untuk memastikan industri ternakan babi di Selangor lebih moden, selamat, terurus dan lestari, sekali gus menamatkan isu lama yang telah menjadi perhatian masyarakat selama beberapa dekad.

Isu ladang babi menjadi tumpuan ramai selepas Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, menzahirkan rasa dukacita dan tidak bersetuju dengan

perancangan Kerajaan Negeri yang membenarkan operasi penternakan babi di Tanjong Sepat, Kuala Langat, bermula tahun ini, sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar pada 2030.

Susulan pertemuan Sultan Selangor dengan Izham pada 12 Jan lalu, beberapa tambah baik dilakukan termasuk mempercepat pemindahan ladang ternakan ke Bukit Tagar pada tahun ini dan tiada dana awam digunakan dalam urusan berkaitan dengannya.-

[MEDIASELANGOR](#)

Malaysia, AS Teroka Kerjasama Teknologi Pertanian Moden

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVSarawak	Malaysia	Dalam Talian	15 Jan



Perkara berkenaan dibincangkan dalam pertemuan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu, dengan delegasi AS diketuai Under Secretary for Trade and Foreign Agricultural Affairs dari Jabatan Pertanian AS (USDA) Luke Lindberg, semalam. Foto Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (FB)

PUTRAJAYA, 15 Jan: Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) berpotensi memperluas kerjasama strategik dalam teknologi pertanian dan pembangunan agromakanan.

Perkara berkenaan dibincangkan dalam pertemuan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu, dengan delegasi AS diketuai Under Secretary for Trade and Foreign Agricultural Affairs dari Jabatan Pertanian

AS (USDA) Luke Lindberg, semalam.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan perbincangan kedua-dua pihak menumpukan kepada potensi peluasan perdagangan pertanian dua hala serta pemerkasaan kerjasama teknikal dan pelaburan bagi meningkatkan produktiviti sektor pertanian.

“Antara bidang diberi penekanan termasuk penggunaan mekanisasi dan automasi, teknologi digital, pembangunan pertanian pintar, penambahbaikan varieti benih serta penerapan teknologi Internet of Things (IoT),” menurut kenyataan KPKM.

KPKM turut menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan Jabatan Pertanian AS (USDA) dalam usaha memodenkan pengeluaran jagung bijirin bagi kegunaan makanan ternakan, di samping memperkukuh keupayaan pengeluaran sektor agromakanan negara melalui penerapan teknologi moden.

KPKM memaklumkan mesyuarat itu turut membincangkan lawatan kerja pegawai KPKM ke AS yang melibatkan penyertaan wakil Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Pertanian dari 17 hingga 24 Jan ini.

Menurut KPKM, lawatan itu bertujuan mempertingkatkan kerjasama kedua-dua negara dalam aspek sanitari dan fitosanitari.

KPKM memaklumkan hasil perdagangan pertanian Malaysia dan AS mencecah RM14.68 bilion bagi tempoh Januari hingga September 2025, sekali gus

mencerminkan peranan AS sebagai rakan strategik penting Malaysia dalam rantai bekalan makanan global.

Kunjungan hormat delegasi AS semalam bersempena misi perdagangan AS ke Malaysia dari 14 hingga 15 Jan, yang turut dihadiri Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia Edgard D Kagan.

Hadir sama Ketua Setiausaha KPKM Datuk Seri Isham Ishak, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Datuk Seri Norazman Ayob dan Ketua Pengarah Pertanian Datuk Nor Sam Alwi. -TVS

Ladang Babi Bukit Tagar Jauh Dari Penduduk, Proses Sisa Jadi Elektrik Dan Biogas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Media Selangor	BM	Dalam Talian	15 Jan



SHAH ALAM, 15 JAN: Kerajaan Negeri memilih Bukit Tagar sebagai lokasi baharu ternakan babi kerana kedudukannya jauh daripada petempatan penduduk, yang terdekat adalah Felda Sungai Tengi yang terletak 15 kilometer (km) dari ladang, sekaligus mengurangkan gangguan dan isu kebersihan.

EXCO Pertanian, Dato' Ir Izham Hashim berkata ladang ternakan di Bukit Tagar juga dibangunkan secara moden dan terancang, mematuhi semua syarat

ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

“Ladang ini dibina mengikut tiga prinsip utama: penampungan untuk menghalang jangkitan, sistem tertutup dan Zero Discharge Policy (ZDP) di mana air kitar semula digunakan untuk menjana biogas dan elektrik bagi memastikan operasi ladang tidak mengganggu penduduk sekitar.

Ladang seluas 500 ekar termasuk ruang penampungan

membolehkan operasi ternakan dijalankan dengan lebih terurus dan selamat. Selangor tidak merancang sebarang penambahan ladang baharu dan keperluan tambahan akan dipenuhi melalui import sahaja,” katanya ketika ditemui di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini semalam.

Izham menambah, Bukit Tagar sesuai sebagai lokasi ladang babi kerana terletak di kawasan pengumpulan sampah dan ladang dengan cadangan kolam takungan tambahan yang akan memastikan sisa diproses dalam ladang untuk dijana sebagai biogas dan elektrik tanpa mengalir ke sungai.

Sebelum ini, beberapa pihak menyuarakan kebimbangan yang ladang ternakan babi Bukit Tagar boleh mencemari sumber air sekaligus berisiko menjejaskan sumber air mentah Lembah Klang.

Menurut beliau lagi, Kerajaan Negeri mensasarkan untuk mengekalkan jumlah ternakan babi di Selangor sekitar 100,000 hingga 120,000 ekor sejajar dengan perancangan industri ternakan yang lebih sistematik dan lestari.

Semalam, Dato’ Menteri Besar, Dato’ Seri Amirudin Shari memaklumkan

keputusan memindahkan ladang babi di Kuala Langat ke Bukit Tagar adalah untuk menamatkan penternakan cara tradisional kepada cara moden.

Beliau berkata Kerajaan Negeri akan mengadakan perbincangan menyeluruh dengan penternak untuk menjelaskan proses pemindahan ladang, syarat pematuhan, langkah keselamatan dan kesan terhadap operasi harian mereka.-[MEDIASELANGOR](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR